

TOLERANSI SOSIO-AGAMA DI SABAH DAN SARAWAK

A. TARMIZI TALIB, SARJIT S. GILL, ZAID AHMAD,
B. JAYUM A. JAWAN & NUR AYUNI ISA

ABSTRAK

Kajian mengenai toleransi sosio agama di Malaysia penting dalam usaha memahami hubungan sesama manusia. Selain itu, ia merupakan nilai yang mengikat ahli masyarakat dalam mementingkan kesejahteraan sosial dalam kehidupan harian mereka. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi, tahap kesediaan dan tingkah laku masyarakat terhadap toleransi sosio agama di Sabah dan Sarawak. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, ia bakal mengemukakan bukti empirikal gambaran sebenar toleransi antara penganut agama di Sabah dan Sarawak. Kajian ini melibatkan 400 orang responden secara survei berasaskan borang soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan masyarakat di Sabah dan Sarawak mempunyai persepsi positif (98%) terhadap toleransi sosio agama. Sikap terhadap toleransi sosio agama pula pada tahap yang tinggi (91.5%), dan tahap tingkah laku juga menunjukkan pada tahap tinggi iaitu 54%.

Kata Kunci: *Persepsi, Kesediaan, Tingkah Laku, Toleransi, Sosio Agama*

ABSTRACT

The study of the socio-religious tolerance in Malaysia is very important to understand the human relations. Moreover, it is a binding value-conscious member of the community in social welfare in their daily lives. This study is to identify the perceptions, readiness and attitudes of community towards socio-religious tolerance in Sabah and Sarawak. Based on this study, it will produce empirical evidence of true inter-religious tolerance in Sabah and Sarawak. The study involved 400 respondents in the survey based on a questionnaire. The results showed people in Sabah and Sarawak had a positive perception (98%) of the socio religious tolerance. Attitudes towards socio religious tolerance were at a high level (91.5%), and the behavior also shows a high level which is 54%.

Keywords: *Perception, Readiness, Behavioral, Tolerance, Socio Religious,*

PENGENALAN

Malaysia merupakan salah satu daripada kebanyakan negara di Asia Tenggara yang mempunyai masyarakat yang majmuk. Perjalanan sejarah telah membentuk masyarakat Malaysia yang unik dengan kepelbagaian sosio-budaya dan agama.

Menurut Means (1978), sejak abad ke-15 Islam adalah agama yang dominan di dunia Melayu dan menjadi simbol perpaduan dan identiti agama serta budaya kepada orang Melayu. Ketika kemerdekaan Malaysia, agama Islam telah menjadi antara faktor utama dalam pembentukan Perlembagaan. Seterusnya, semasa kemerdekaan pada tahun 1957 Islam dan orang Melayu telah diberi status yang istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan (Mastor, Jin, & Cooper, 2000).

Dalam melindungi amalan beragama, Perlembagaan Persekutuan (Artikel 3), memperuntukkan agama Islam sebagai agama persekutuan, manakala agama-agama lain bebas diamalkan oleh para penganutnya. Justeru itu, agama-agama lain selain agama Islam diamalkan tanpa sebarang sekatan. Ia dapat dilihat dengan jelas terutamanya di kawasan bandar kerana masyarakat selain Islam majoritinya berada di sana berbanding di kawasan luar bandar. Kawasan luar bandar majoritinya didiami oleh masyarakat Melayu Islam.

Dengan meletusnya beberapa isu dalam konteks hubungan antara penganut agama akhir-akhir ini, perbincangan mengenai toleransi antara penganut agama menjadi semakin penting. Kepentingan isu ini bukan sahaja kepada Malaysia malah juga seluruh dunia memandangkan hampir tidak ada negara dunia yang penduduknya hanya mengamalkan satu agama (Talib & Gill, 2012).

TINJAUAN LITERATUR

Beberapa orang sarjana telah memberikan definisi toleransi. Antaranya, toleransi dapat dijelaskan sebagai suatu tindakan secara sukarela iaitu tidak mengambil tindakan terhadap sesuatu yang tidak dibenarkan, di mana ia membawa maksud kebebasan terhad dan kebebasan bersyarat (Adeney, 1926). Toleransi ditunjukkan dengan melibatkan sikap, pandangan, tingkah laku dan kepercayaan (Ferrari, 1976). Selain itu, sebagai satu polisi atau sikap terhadap sesuatu yang tidak diterima, tetapi tidak pula ditolak secara aktif (Laursen, 2005).

Kepelbagaian definisi toleransi sering mengakibatkan kecelaruan dalam perbincangan dan tindakan. Bagi tujuan perbincangan dalam bab ini saya mencadangkan definisi toleransi agama sebagai satu kesediaan sikap atau tingkah laku yang membenarkan dan menerima perbezaan agama untuk diamalkan dalam sebuah masyarakat majmuk tanpa prejudis dan diskriminasi. Memberi kebenaran dan penerimaan kepelbagaian agama tersebut tidak menjadikan seseorang itu mempercayai atau menjadi penganut sesuatu agama. Ia juga tidak membawa kepada seseorang itu mengiktiraf semua agama adalah pada kedudukan yang sama dari segi kebenarannya (Talib, 2010). Memandangkan bahawa aspek toleransi melibatkan aktiviti harian, perbincangan ini akan memfokuskan kepada sudut sosial, yang merupakan salah satu dari dimensi agama seperti yang dicadangkan oleh Smart, (1991). Perbincangan seterusnya akan berkisar daripada aspek toleransi sosio-agama.

Toleransi boleh diaplikasikan dengan pelbagai cara, seperti menghargai dan meraikan perbezaan, tiada prejudis dan meletakkan dengan sesuatu bahawa seseorang tidak bersetuju atau prejudis terhadap sesuatu perkara (Robinson et al., 2001). Sejarah, konsep toleransi mulai berkembang dengan adanya usaha untuk menangani kesan yang merbahaya apabila berlakunya konflik agama (Sullivan & Transue, 1999). Kehadiran sejumlah besar umat Islam di negara-negara Eropah barat telah membawa idea toleransi sebagai satu mekanisme untuk berurusan dengan kepelbagaian agama.

Toleransi antara agama adalah merupakan salah satu asas kepada keharmonian negara. Keperluan mempraktikkan toleransi tidak hanya penting di negara seperti Malaysia sahaja, malah ia adalah amat penting di mana-mana sahaja di dunia hari ini. Di banyak negara, hubungan antara penganut agama yang tidak sihat boleh mencetuskan konflik malah sehingga ke peringkat pertumpahan darah. Krisis hubungan antara agama yang terbaru berlaku pada tahun 2012 ialah di Myanmar antara penganut Buddha dan Islam Rohingnya. Maka dengan itu, sebolehnya kita perlulah mengelak daripada perkara sebegini berlaku di Malaysia dan di mana jua.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan tinjauan melalui pengumpulan data menggunakan borang soal selidik. Melalui kaedah ini, kadar perolehan semula borang soal selidik kajian adalah tinggi dan berjaya mendapat kerjasama yang baik daripada responden. Penyelidik menggunakan teknik pensampelan bukan kebarangkalian. Setelah itu, penyelidik telah menggunakan pensampelan secara kebetulan atau rawak mudah (convenience sampling). Kajian ini dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Setiap negeri melibatkan 200 orang responden dan jumlah keseluruhannya adalah 400 orang responden. Data kajian ini diproses menggunakan statistik deskriptif.

DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah taburan responden mengikut kelompok etnik bagi kedua-dua negeri yang menjadi fokus kajian.

Jadual 1: Taburan Etnik

| Etnik | Sabah | | Sarawak | | Keseluruhan | |
|---------------|------------|--------------|------------|--------------|-------------|--------------|
| | n | % | n | % | n | % |
| Bajau | 50 | 25.0 | | | 50 | 12.5 |
| Sungai | 3 | 1.5 | | | 3 | .8 |
| Kokos | 3 | 1.5 | | | 3 | .8 |
| Murut | 5 | 2.5 | | | 5 | 1.3 |
| Idahan | 1 | .5 | | | 1 | .3 |
| Bisaya | 2 | 1.0 | | | 2 | .5 |
| Tidung | 1 | .5 | | | 1 | .3 |
| India | 1 | .5 | | | 1 | .3 |
| Ubian | 1 | .5 | | | 1 | .3 |
| Iranun | 1 | .5 | | | 1 | .3 |
| Iban | - | - | 58 | 29.0 | 58 | 14.5 |
| Melayu | 22 | 11.0 | 77 | 38.5 | 99 | 24.8 |
| Bidayuh | - | - | 14 | 7.0 | 14 | 3.5 |
| Melanau | - | - | 14 | 7.0 | 14 | 3.5 |
| Kenyah | - | - | 4 | 2.0 | 4 | 1.0 |
| Dayak | - | - | 2 | 1.0 | 2 | .5 |
| Kelabit | - | - | 2 | 1.0 | 2 | .5 |
| Kayan | - | - | 1 | .5 | 1 | .3 |
| LunBawang | - | - | 1 | .5 | 1 | .3 |
| Dusun | 28 | 14.0 | | | 28 | 7.0 |
| Bugis | 17 | 8.5 | | | 17 | 4.3 |
| Suluk | 16 | 8.0 | | | 16 | 4.0 |
| Kadazan | 26 | 13.0 | | | 26 | 6.5 |
| MelayuBrunei | 11 | 5.5 | | | 11 | 2.8 |
| Cina | 9 | 4.5 | 27 | 13.5 | 36 | 9.0 |
| Kedayan | 3 | 1.5 | | | 3 | .8 |
| Jumlah | 200 | 100.0 | 200 | 100.0 | 400 | 100.0 |

Secara keseluruhannya, majoriti responden adalah terdiri daripada etnik Melayu, iaitu 24.8% (99 orang) diikuti etnik Iban sebanyak 14.5% (58 orang) dan etnik Bajau sebanyak 12.5% (50 orang). Bagi etnik lain, jumlah populasi adalah hampir sama peratusannya. Di Sarawak majoriti responden adalah terdiri daripada kelompok etnik Melayu (38.5%) dan Iban (29%) manakala di Sabah adalah Bajau (25%) dan Dusun (14%).

Jadual 2: Taburan Agama

| Agama | Sabah | | Sarawak | | Keseluruhan | |
|---------------|------------|--------------|------------|--------------|-------------|--------------|
| | n | % | n | % | n | % |
| Islam | 148 | 74.0 | 94 | 47.0 | 242 | 60.5 |
| Kristian | 49 | 24.5 | 84 | 42.0 | 133 | 33.3 |
| Buddha | 2 | 1.0 | 20 | 10.0 | 22 | 5.5 |
| Hindu | 1 | .5 | - | - | 1 | .3 |
| Bahai | - | - | 1 | .5 | 1 | .3 |
| Pagan | - | - | 1 | .5 | 1 | .3 |
| Jumlah | 200 | 100.0 | 200 | 100.0 | 400 | 100.0 |

Secara umumnya majoriti responden adalah mereka yang beragama Islam, iaitu 60.5 % (242), diikuti 33.3% (133) beragama Kristian, dan 5.5% (22) beragama Buddha. Ia adalah hampir selari dengan kumulatif penganut agama di Sabah dan Sarawak berasaskan bancian penduduk 2010.

Berikut adalah persepsi responden terhadap toleransi sosio-agama bagi kajian tersebut.

Jadual 3: Tahap Persepsi Terhadap Toleransi Sosio-agama

| Tahap Persepsi Terhadap Toleransi | Sabah | | Sarawak | | Keseluruhan | |
|-----------------------------------|------------|--------------|------------|--------------|-------------|--------------|
| | n | % | n | % | n | % |
| Negatif | 4 | 2.0 | 4 | 2.0 | 8 | 2.0 |
| Positif | 196 | 98.0 | 196 | 98.0 | 392 | 98.0 |
| Jumlah | 200 | 100.0 | 200 | 100.0 | 400 | 100.0 |

Majoriti responden mempunyai persepsi yang amat positif terhadap toleransi sosio-agama, iaitu 98.0% (392), dan selebihnya negatif iaitu 2.0% (8). Bagi menilai persepsi responden terhadap toleransi, elemen seperti kepercayaan agama lain, nilai baik dalam semua agama dan keperluan menghormati amalan dan kepercayaan agama lain dijadikan asas ukuran dalam instrumen. Keadaan yang sama berlaku di Sabah dan Sarawak.

Berikut adalah tahap kesediaan responden terhadap toleransi sosio-agama di Sabah dan Sarawak.

Jadual 4: Tahap Kesediaan Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

| Tahap Kesediaan Terhadap Toleransi | Sabah | | Sarawak | | Keseluruhan | |
|------------------------------------|------------|--------------|------------|--------------|-------------|--------------|
| | n | % | n | % | n | % |
| Rendah | 3 | 1.5 | - | - | 3 | .8 |
| Sederhana | 15 | 7.5 | 12 | 6.0 | 27 | 6.8 |
| Tinggi | 182 | 91.0 | 188 | 94.0 | 370 | 92.5 |
| Jumlah | 200 | 100.0 | 200 | 100.0 | 400 | 100.0 |

Jadual 4 menunjukkan tahap kesediaan responden terhadap toleransi sosio agama. Berdasarkan jadual tersebut, menunjukkan sebanyak 92.5% (370) responden menunjukkan tahap kesediaan yang tinggi. Manakala hanya 6.8% (27) menyatakan tahap kesediaan yang sederhana dan diikuti .8% (3) berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan dapatan menunjukkan majoriti responden bersedia untuk bertoleransi antara satu sama lain. Kesediaan ini diukur dengan empat elemen iaitu kesediaan berkawan dengan mereka yang berlainan agama, kesediaan berjiran dengan mereka yang berlainan agama, kesediaan menghadiri perayaan yang disambut oleh mereka yang berlainan agama serta kesediaan mengunjungi upacara kematian mereka yang berlainan agama. Kedua-dua negeri tersebut menunjuk perbezaan yang minima terhadap kesediaan mereka bertoleransi dengan penganut agama lain.

Berikut adalah dapatan kajian mengenai tingkahlaku responden terhadap toleransi.

Jadual 5: Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi Sosio-agama Secara Keseluruhan

| Tahap Tingkahlaku Terhadap Toleransi | Sabah | | Sarawak | | Keseluruhan | |
|--------------------------------------|------------|--------------|------------|--------------|-------------|--------------|
| | n | % | n | % | n | % |
| Rendah | 13 | 6.5 | 10 | 5.0 | 23 | 5.8 |
| Sederhana | 85 | 42.5 | 76 | 38.0 | 161 | 40.3 |
| Tinggi | 102 | 51.0 | 114 | 57.0 | 216 | 54.0 |
| Jumlah | 200 | 100.0 | 200 | 100.0 | 400 | 100.0 |

Jadual 5 menunjukkan tahap tingkahlaku terhadap toleransi sosio agama. Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 54.0% (216) responden menunjukkan tingkahlaku pada tahap tinggi. Manakala sebanyak 40.3% (161) pula menyatakan tahap tingkahlaku pada tahap sederhana dan diikuti 5.8% (23) berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan menunjukkan majoriti daripada responden mempunyai tahap

tingkah laku yang tinggi terhadap toleransi sosio agama. Dengan menggunakan empat elemen yang sama seperti yang digunakan dalam bahagian kesediaan di atas, didapati bahawa tahap mempraktikkan toleransi antara penganut agama yang berbeza berada pada tahap sederhana tinggi dalam kalangan penduduk di Sabah dan Sarawak. Perkara ini adalah berbeza dengan tahap kesediaan yang amat tinggi untuk bertoleransi seperti yang dibincangkan dalam jadual 4 di atas.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa persepsi responden adalah positif, terhadap toleransi sosio agama. Begitu juga dengan tahap kesediaan untuk mempraktikkan toleransi terhadap mereka yang berlainan agama. Namun begitu dalam konteks sebenar, mereka agak kurang mempraktikkan toleransi pada tahap yang tinggi seperti yang ditunjukkan dalam tahap kesediaan mereka dan juga persepsi mereka yang amat positif. Persepsi yang positif dan kesediaan yang tinggi tidak menjamin praktik yang tinggi terhadap toleransi sosio agama bagi responden di Sabah dan Sarawak.

RUJUKAN

- Adeney, W. F. 1926. Toleration. In J. Hastings (Ed.), *Encyclopedia of Religion and Ethics* (Vol. Vol. 12). Edinburgh: T & T Clark.
- Ferrar, J. W. 1976. The Dimensions of Tolerance. *The Pacific Sociological Review*, 19(1), 63 - 81.
- Laursen, J. C. 2005. Toleration. In M. C. Horowitz (Ed.), *New Dictionary of The History of Ideas* (Vol. Vol. 6). London: Thomson Gale.
- Master, K. A., Jin, P., & Cooper, M. 2000. Malay Culture and Personality: A Big Five Perspective. *American Behavioral Scientist*, 44, 95-111.
- Means, G. P. 1978. Public Policy Toward Religion in Malaysia. *Pacific Affairs*, 51(3), 384 - 405.
- Smart, N. 1991. *The Religious Experience* (4th ed.). New York: Macmillan Publishing Company.
- Talib, A. T., 2010. *Socio-Religious Tolerance: Malaysia as a Case Study*. PhD, Lampeter: University of Wales Lampeter.

Talib, A. T., & Gill, S. S. 2012. Socio-religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience. *Global Journal of Human Social Science*, 12(8), 49 - 54.

Verkuyten, M., & Slooter, L. 2007. Tolerance of Muslim Beliefs and Practices: Age Related Differences and Context Effects. *International Journal of Behavioral Development*, 31(5), 467-477.

Profil Penulis:

Ahmad Tarmizi Talib, PhD
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
tarmizi@upm.edu.my

Sarjit S. Gill, PhD
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
sarjit@upm.edu.my

Jayum A. Jawan, PhD
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
jayum@upm.edu.my

Zaid Ahmad, PhD
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
zaid_a@upm.edu.my

Nur Ayuni Binti Mohd Isa, MS
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan
nurayunisa@gmail.com